



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

6 NOVEMBER 2023 (ISNIN)

Pulau Pinang Disyor Tubuh Pasukan Khas Tangani Isu Pencemaran Ladang Ternakan Babi

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BH Online	Negara	Online	6 Nov



Wan Saiful ditemui media selepas taklimat dan lawatan ke premis ternakan babi di Kampung Selamat. - Foto NSTP/Danial Saad

TASEK GELUGOR: Kerajaan Pulau Pinang disyorkan untuk mewujudkan satu pasukan khas yang terdiri pelbagai jabatan dan agensi bagi menangani segera isu pencemaran dari ladang ternakan babi di Kampung Selamat, di sini, yang masih tidak dapat diatasi lebih empat dekad lalu.

Ahli Parlimen Tasek Gelugor, Datuk Wan Saiful Wan Jan, berkata pasukan khas itu penting supaya bukan hanya Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) sahaja bertanggungjawab

menyelesaikan masalah yang berlaku, sebaliknya memerlukan kerjasama menyeluruh.

Katanya, sehingga kini tiada jalan penyelesaian muktamad diambil dan pencemaran bau serta alam sekitar masih berlaku sehingga menimbulkan ketidakselesaan penduduk sekitar.

"Isu ini bukan baharu dan ia berlarutan lebih 40 tahun lalu menyebabkan pendapatan nelayan sungai terkesan serta pesawah padi

berdepan masalah air tercemar sehingga tak capai produktiviti.

"Tidak cukup dengan itu, penternakan (yang tidak mengikut enakmen penternakan babi) turut menimbulkan pencemaran bau bukan sahaja sungai tetapi termasuk jalan raya. Ini dapat dilihat apabila angkut babi ke tempat jualan ada (sisa) tumpah (jatuh) dan sebabkan pencemaran."

"Di sini, penguatkuasaan perlu diperhebat yang bukan sahaja (di bawah tanggungjawab) veterinar (JPV) tetapi perlu ada kesungguhan yang kerajaan pusat perlu menggalakkan kerajaan negeri mewujudkan pasukan khas supaya masalah ini dapat ditangani secara menyeluruh," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas menghadiri taklimat berhubung Cadangan Pembinaan Fasiliti Biogas Ladang Babi fasiliti di Kampung Selamat, di sini, hari ini.

Wan Saiful berkata, dari segi teori cadangan pembinaan loji biogas itu adalah satu usaha penyelesaian masalah yang boleh dipertimbangkan, namun ia masih boleh mengundang kepada permasalahan lain.

"Ini berikutan kapasiti loji biogas ini besar dan sudah semestinya lebih banyak sisa buangan babi diperlukan bagi membolehkan ia beroperasi.

"Kita dimaklumkan loji biogas ini dapat memproses sisa buangan 100,000 babi sedangkan ternakan di sini hanya ada kira-kira 60,000 babi.

"Oleh itu, kita bimbang sekiranya bahan buangan perlu diimport dari ladang lain, ia mendorong penternak menambah jumlah ternakan mereka sedangkan penduduk setempat mahu jumlah babi dikurangkan," katanya.

Terdahulu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu pada sesi Dewan Rakyat akhir bulan lalu menjelaskan, kementerian memandang serius pencemaran berpunca dari 64 ladang ternakan yang sehingga kini belum dapat diselesaikan.

Setakat 30 September lalu, katanya Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang (JPVV) mengeluarkan 20 kompaun bernilai RM152,500 kepada pengusaha ladang yang gagal mematuhi Peraturan Pelesenan Penternakan Babi 2020.

Selain itu, katanya sehingga 27 Oktober lalu, sebanyak 58 ladang ternakan berlesen dibenarkan beroperasi di kampung itu, dua ladang dalam proses penutupan dan empat diarahkan ditutup kerana tidak mematuhi Enakmen Penternakan Babi 2016.–[BHOnline](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR